

Apo-Lovastatin 20mg tab

Lovastatin

Apa kandungan risalah ini

Risalah ini mengandungi jawapan untuk sesetengah persoalan yang biasa ditanya tentang ubat ini. Bagaimanapun ia tidak mengandungi semua maklumat tentang ubat ini. Ia juga tidak boleh mengambil alih tugas doktor atau ahli farmasi anda.

Setiap ubat mempunyai risiko dan manfaatnya sendiri. Doktor anda akan menentukan risiko yang ada di sebalik manfaatnya dalam penggunaan ubat ini.

Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan mengenai pengambilan ubat ini, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Sila simpan risalah ini bersama-sama dengan ubat ini.

Anda mungkin perlu membacanya semula.

Apa kegunaan ubat ini

APO-LOVASTATIN ialah sejenis kelas ubat yang dikenali sebagai Pengawalatur Metabolisma Lipid.

Bila jumlah kolesterol perlu direndahkan, para doktor biasanya cuba untuk mengawal keadaan tersebut yang dikenali sebagai hiperkolesterolemia, dengan diet yang diawasi dengan ketat. Selain itu doktor anda juga boleh mencadangkan langkah lain seperti senaman dan pengawalan berat badan.

Ubat-ubatan seperti ini diperskripsikan bersama, dan bukan sebagai pengganti, kepada diet khas ini, dan langkah-langkah yang lain.

Lovastatin digunakan untuk merendahkan tahap kolesterol (terutamanya kolesterol "Low Density Lipoprotein" (LDL)) dan lemak-lemak lain dalam darah. Hal ini boleh membantu mencegah penyakit jantung jika

diakibatkan oleh kolesterol yang menyumbat salur-salur darah atau melambatkan pergerakan atherosclerosis (pengerasan) oleh arteri yang menyihatkan jantung, yang dipanggil penyakit jantung koronari (CHD).

Bagaimana ubat ini berfungsi

APO-LOVASTATIN merencat sejenis enzim yang diperlukan oleh tubuh badan kita untuk menjana kolesterol. Dengan cara ini, penghasilan kolesterol dalam hati dapat dikurangkan.

Sebelum penggunaan

Bila anda tidak dibenarkan ambil

Maklumkan doktor anda sekiranya

- Anda pernah mengambil lovastatin atau sebarang ubat lain yang berada dalam kumpulan yang sama – contohnya, simvastatin (Zocor), pravastatin (Pravachol) atau fluvastatin (Lescol) dan alergik, atau mendapat reaksi yang negatif terhadapnya.
- Anda hamil atau bercadang untuk hamil. Ubat ini tidak boleh digunakan semasa mengandung.
- Anda sedang atau bercadang untuk menyusukan anak.
- Anda mempunyai penyakit hati.

Sebelum mula pengambilan

Tiada

Pengambilan ubat-ubatan lain

Doktor anda juga perlu tahu jika anda sedang mengambil sebarang

ubat lain, yang diperskripsi atau tidak. Adalah sangat penting bagi anda memaklumkan kepada doktor anda jika anda sedang mengambil

- cyclosporine (Sandimmune), gemfibrozil (Lopid), dos pengurangan-lipid niacin (asid nicotinic), nefazodone (Serzone), corticosteroid, anticoagulant (cth: warfarin), digoxin, erythromycin, clarithromycin, azithromycin atau ejen azole antifungal (cth: itraconazole).

Bagaimana untuk ambil

Berapa banyak untuk diambil

Ambil ubat ini betul-betul seperti yang telah diarahkan oleh doktor anda..

Bila untuk diambil

Pesakit biasanya disyorkan untuk mengambil satu dos bersama makan malam atau dua dos yang berasingan bersama sarapan pagi dan makan malam.

Berapa lama untuk diambil

Ubat ini perlu diambil dalam tempoh jangka masa panjang dibawah penyeliaan doktor anda.

Jika anda lupa untuk ambil

Jangan bimbang. Ambil jumlah dos yang disyorkan sebaik sahaja anda teringat semula, melainkan sudah hampir waktu untuk dos seterusnya. Kemudian, ambil dos yang seterusnya pada waktu yang betul. Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang sudah terlepas.

Jika anda ambil terlalu banyak (terlebih dos)

Jika anda terambil lebih daripada dos yang disyorkan, hubungi bahagian kecederaan yang terdekat atau beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera. Jangan lupa bawa bersama bekas ubat ini dengan lebih tablet bersama anda.

Dalam masa penggunaan

Perkara yang harus dilakukan

Pastikan anda mengikut sebarang nasihat doktor anda mengenai diet, senaman dan penjagaan berat badan anda.

Ikuti janjitemu bersama doktor anda dengan tetap supaya darah anda boleh diuji dan perkembangan anda dapat dicatatkan dalam jangka waktu yang betul. Doktor anda juga boleh menetapkan pemeriksaan mata berperingkat oleh pakar oftalmologi untuk anda.

Perkara yang dilarang

Jangan minum jus buah limau gedang ketika mengambil APO-LOVASTATIN.

Elakkan daripada meminum alkohol dalam kuantiti yang besar.

Jangan mula mengambil ubat-ubatan lain kecuali sekiranya anda sudah berbincang hal tersebut dengan doktor anda.

Maklumkan doktor anda jika anda mempunyai sebarang kecederaan atau jangkitan yang teruk.

Jika anda perlu menjalani sebarang rawatan pergigian atau pembedahan, beritahu pada doktor anda tentang pembedahan tersebut; dan maklumkan kepada doktor gigi dan doktor bedah yang berkenaan bahawa anda sedang mengambil ubat ini atau sebarang ubat lain.

Perkara yang perlu berhati-hati

Tiada

Kesan sampingan

Antara kesan sampingan yang mungkin anda alami semasa

mengambil APO-LOVASTATIN termasuklah

- Sakit otot, kekejangan otot, letih atau berasa lemah
- Demam
- Kabur penglihatan

Sesetengah kesan sampingan lain yang mungkin berlaku, lazimnya tidak memerlukan rawatan perubatan dan mungkin datang dan pergi dalam penggunaan ubat ini. Tetapi jika kesan-kesan berikut berterusan atau menjadi semakin teruk, sila jumpa doktor atau ahli farmasi anda:

- Sembelit, cirit-birit, angin, sakit perut, mual
- Kesakitan pada bahagian abdomen
- Sakit kepala, pening-pening
- Ruam kulit

Sesetengah pesakit mungkin mendapat kesan yang lain. Jika anda mendapati sebarang kesan yang luar biasa, jumpa doktor atau ahli farmasi anda.

Selepas menggunakan ubat ini

Penyimpanan

Anda diingatkan supaya menyimpan APO-LOVASTATIN. dan semua ubat-ubat lain jauh daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada bekas ini.

Simpan APO-LOVASTATIN pada suhu bilik (bawah 25°C).

Pelupusan

Sekiranya anda masih mempunyai lebih ubat ini selepas anda hentikan pengambilannya atas arahan doktor atau kerana anda dapati ubat ini telah melepasi tarikh luputnya, sila rujuk kepada ahli farmasi anda tentang langkah yang perlu diambil.

Perihal Produk

Bagaimana rupa ubat ini

APO-LOVASTATIN 20mg adalah tablet berwarna biru cair, berbentuk oktagon, leper, berpinggir tirus, berukir "APO" pada satu permukaan dan berukir "LOVA" diatas "20" pada satu lagi. Terdapat dalam pek gelembung berisi 30 tablet.

Bahan Kandungan

Setiap APO-LOVASTATIN mengandungi lovastatin sebagai bahan aktif.

Bahan bukan ubat lain ialah laktos monohidrat, mikrokristalline selulosa, magnesium stearate, croscarmellose sodium, "Blue #2" dan "Brilliant Blue".

Nombor Pendaftaran Malaysia

MAL 19990021AR

Pengilang

Apotex Inc.
150 Signet Drive
Weston Toronto Ontario
M9L 1T9 Canada

Pemegang Pendaftaran

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya

Tarikh Semakan

1 Jun 2011